

## Tun Dr Mahathir Mohamad

(1981 - 2003;  
2018 - Kini)

### KRONOLOGI

- 1925:** 20 Disember – Dilahirkan di Alor Star, Kedah, dan merupakan anak bongsu daripada sembilan adik beradik. Anak kepada Mohamed bin Iskandar and Wan Tempawan binti Wan Hanafi
- 1931:** Bersekolah di Sekolah Melayu Seberang Perak
- 1933:** Bersekolah di Kolej Sultan Abdul Hamid
- 1942 - 1945:** Pendidikannya tergendala akibat pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Beliau berhenti sekolah untuk menjual makanan di Pekan Rabu untuk membantu keluarga.
- 1946:** Menentang Malayan Union dan sertai UMNO
- 1947:** Melanjutkan pelajaran dalam jurusan perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII
- 1953:** Lulus sebagai doktor dan berkhidmat di Hospital Besar Alor Setar
- 1956:** Mengahwini Tun Dr Siti Hasmah Hj Mohd Ali
- 1957:** Berhenti dari kerajaan untuk menubuhkan Klinik Maha, di Alor Setar
- 1964:** Bertanding di Kota Setar Selatan dan menang
- 1965:** Dipilih sebagai salah seorang ahli Majlis Tertinggi UMNO
- 1969:** Bertanding sekali lagi di Kota Setar Selatan namun tewas kepada wakil PAS
- 1969:** Mei 13 - Rusuhan kaum di Kuala Lumpur
- 1969:** Beliau menulis surat mengkritik Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman, dan dilucut keahlian dari UMNO
- 1970:** Menulis "The Malay Dilemma"
- 1970:** Tunku meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri, dan Tun Abdul Razak Hussein, menjadi Perdana Menteri Malaysia kedua
- 1972:** Tun Mahathir diterima kembali sebagai ahli UMNO, dan dilantik sebagai Senator
- 1974:** Memenangi kerusi Parlimen Kubang Pasu tanpa bertanding, dan dilantik sebagai Menteri Pendidikan Malaysia
- 1976:** Tun Razak meninggal dunia dan Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri. Tun Dr Mahathir dilantik sebagai Timbalan PM
- 1981:** Tun Hussein Onn meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri
- 1981: 16 Julai - Menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-4**
- 1998:** Menjadi Menteri Kewangan selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim disingkirkan dari UMNO dan dilucutkan jawatan
- 2003:** 31 Oktober – Bersara dan digantikan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-5
- 2003:** Dilantik sebagai President Kehormat Yayasan Kepimpinan Perdana
- 2009:** 3 April - Dato' Seri Najib Tun Razak dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-6
- 2016:** Meninggalkan UMNO kerana tidak setuju dengan kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak
- 2016:** Menubuhkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM)
- 2017:** Menyertai politik sebagai Ketua Pembangkang
- 2018:** Mengisytiharkan pencalonan bagi kerusi parlimen Langkawi untuk Pilihanraya Umum ke-14
- 2018: Pakatan Harapan memenangi Pilihanraya Malaysia ke-14 dan menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-7**

### KELUARGA

Isteri: Tun Dr Siti Hasmah Hj Mohd Ali, antara wanita Melayu terawal yang berkelulusan sebagai doktor  
 Anak-anak: Datin Paduka Marina, Mirzan, Melinda, Tan Sri Mokhzani, Dato' Seri Mukhriz, Mazhar, Maizura.



### RINGKASAN

Tun Dr Mahathir bin Mohamad dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 16hb Julai 1981. Beliau merupakan Perdana Menteri yang paling lama mentadbir negara iaitu selama 22 tahun dan sekaligus merupakan pemimpin negara paling lama di Asia Tenggara memegang jawatan tersebut.

Beliau telah berjaya menerajui negara ke arah arus pemodenan yang amat pantas dan menjadikan Malaysia gah di mata dunia. Beliau telah dikaitkan dengan pembangunan pelbagai projek mega seperti Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Menara Berkembar PETRONAS, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Koridor Raya Multimedia (MSC). Tun Dr Mahathir Mohamad membuka negara kepada pelaburan asing, mengurangkan halangan kepada perdagangan antarabangsa, menswastakan beberapa ejensi dan perkhidmatan kerajaan, di samping mewujudkan infrastruktur fizikal bertaraf dunia.

Di bawah kepimpinan Tun Dr Mahathir, Malaysia berkembang menjadi salah satu ekonomi yang paling makmur dan dinamik di Asia Tenggara, dengan sektor industri yang berkembang maju, kelas menengah yang membesar, dan kualiti hidup yang meningkat. Malaysia juga memainkan peranan yang lebih aktif di arena antarabangsa, dan bertindak sebagai suara bagi negara-negara membangun di Asia dan Afrika. Tun Dr Mahathir Mohamad juga melancarkan Wawasan 2020 pada tahun 1991, satu rangka kerja bagi menjadikan Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020. Atas kejayaan beliau sebagai pemimpin, beliau diberi gelaran "Bapa Pemodenan Malaysia".

Pada tahun 2016, Tun Dr Mahathir Mohamad menubuhkan parti politik baru untuk menandingi Barisan Nasional. Pada tahun 2018, dalam satu kejutan politik, gabungan politik beliau, Pakatan Harapan, memenangi Pilihanraya Malaysia ke-14. Pada usia 93 tahun, beliau dipilih sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-7.